



# PEMULIHAN DALAM KOMUNITI JABATAN PENJARA MALAYSIA

*"Ke Arah 2/3 Banduan Menjalani Pemulihan Dalam Komuniti Menjelang 2030"*



**TPP SYAHRUL AMRI BIN ABD MUTALIB,**  
Ketua Unit Hal Ehwal Parol,  
Bahagian Parol dan Perkhidmatan Komuniti,  
Ibu Pejabat Penjara Malaysia,  
Bukit Wira, Kajang Selangor





01

- Pengenalan Bahagian

02

- Pengenalan Sistem Parol

03

- Pengenalan Perintah Kehadiran Wajib (PKW)

04

- Pengenalan Program Reintegrasi Penghuni (PRP)

05

- Pengenalan Rumah Perantaraan (RP)

06

- Pengenalan Pelepasan Banduan Secara Berlesen


07

- Pengenalan Program *Resettlement*





# CARTA ORGANISASI





# CARTA FUNGSI

KOMISIONER JENERAL PENJARA

BAHAGIAN DASAR KEPENJARAAN

TKP (KESELAMATAN DAN KOREKSIONAL)

TKP (PENGURUSAN)

TKP (PEMASYARAKATAN)

## BAHAGIAN PAROL DAN PERKHIDMATAN KOMUNITI


- Bertanggungjawab ke atas pengurusan Orang Yang Diparol (OPD), Orang Yang Diselia (ODS), Orang Bebas Berlesen (OBB), Pesalah Kehadiran Wajib (PKW) dan Resident merangkumi pemantauan dan penyeliaan menerusi pelaksanaan program di bawah perkhidmatan komuniti meliputi Parol, Program Reintegrasi Penghuni, Program Kehadiran Wajib, Pelepasan Banduan Secara Berlesen dan Rumah Perantaraan..
- Bertanggungjawab ke atas pengurusan dosir dan penilaian yang dibuat agar teratur dan memenuhi kehendak stakeholders.

## BAHAGIAN PEMINDAHAN ANTARABANGSA BANDUAN

Bertanggungjawab merangka dasar pelaksanaan pemindahan antarabangsa banduan dan pelaksanaan urusan berkaitan banduan asing.

## BAHAGIAN AGAMA & KAUNSELING

- Membangunkan dan memantau pelaksanaan Pelan Induk Program Agama Jabatan dengan penetapan hala tuju selari dengan visi dan misi Jabatan.
- Merancang dan melaksana program agama Jabatan serta mengkoordinasi pelaksanaannya kepada kakitangan. Manakala, pelaksanaannya kepada banduan adalah melalui Program Pembangunan Insan termasuk modul Deradikalisasi.
- Membangunkan dan memantau pelaksanaan modul keagamaan bagi banduan dan kakitangan mengikut jenis institusi.
- Bertanggungjawab ke atas pengurusan aktiviti kaunseling dan penilaian Psikologi melibatkan banduan di institusi penjara termasuk kakitangan.





# PENGENALAN BAHAGIAN

## • VISI

Menjamin  
kesejahteraan  
masyarakat melalui  
proses **reintegrasi**  
dan mengurangkan  
pengulangan perlakuan  
jenayah

## • MISI

Membantu dan  
membimbing penghuni  
untuk hidup sebagai  
individu yang menghormati  
undang-undang dan  
peraturan negara

## • OBJEKTIF

Memastikan kesinambungan  
program pemulihan dan penyeliaan  
yang lebih berkesan dengan  
harapan dapat memberi peluang  
kedua kepada banduan untuk  
meneruskan kehidupan melalui  
proses reintegrasi dalam komuniti

# DEFINISI REINTEGRASI

**Proses peralihan dari pemenjaraan kepada komuniti, menyesuaikan diri dengan kehidupan di luar penjara atau penjara, dan cuba mengekalkan gaya hidup bebas jenayah (Laub & Sampson, 2001,2003).**





# SENARIO PERKEMBANGAN Program Pemulihan Dalam Komuniti

## PAROL

Pelepasan Secara Perintah Parol yang diberikan kepada banduan hukuman lebih 1 tahun (Seksyen 46, Akta Penjara 1995)

2008



## PUSAT KEHADIRAN WAJIB

Pesalah PKW menjalani kerja wajib mengikut Akta Kesalahan Wajib 1954 di tempat yang ditentukan oleh penyelia mengikut tempoh yang diberikan oleh Mahkamah

2010



## PELEPASAN AWAL 14 HARI

Keistimewaan bagi banduan Peringkat Khas (Per.40(2) Peraturan-peraturan Penjara 2000)

2012

## PROGRAM REINTEGRASI PENGHUNI INDUSTRI (PRPI)

- Kesenambungan program pemulihan Fasa 4 kepada ODS
- Melibatkan Industri latihan dan kerjaya seperti MRCB, Metro Driving dan lain-lain.

2019



## AKAN DATANG

- Probation
- Differed Sentence
- Suspended Sentence
- Home Detention
- Day Parole

2009

## RUMAH PERANTARAAN

- Menempatkan Penghuni yang terdiri daripada Residen (Bekas Banduan) dan Orang Diparol (ODP) yang tidak mempunyai tempat tinggal.
- 14 RP mengikut negeri disediakan di seluruh Malaysia.



2011

## PUSAT PEMULIHAN PEMASYARAKATAN (PPP) / PROGRAM REINTEGRASI PENGHUNI (PRP)

Program ini telah dinaik taraf kepada Program Reintegrasi Penghuni (PRP) bermula 2019



2016

## PROGRAM "CORPORATE SMART INTERNSHIP"

Memberi peluang kepada Orang Diparol (ODP) menyertai program latihan & kerjaya dalam sektor pekerjaan. Kerjasama dengan pihak syarikat

2020

## PELEPASAN BANDUAN SECARA BERLESEN (PBSL)

Memberi peluang kepada banduan hukuman bawah 1 tahun menjalani pemulihan dalam komuniti (Per.111, Peraturan-peraturan Penjara 2000)

# **PENGENALAN** **SISTEM PAROL DI** **MALAYSIA**



# Pengenalan Sistem Parol

Pelepasan seseorang banduan untuk menjalani mana-mana bahagian hukuman pemenjarannya di luar penjara menurut suatu Perintah Parol

Definisi Parol

Seksyen 46A(d), Akta Penjara 1995

## PROSES PERUNDANGAN

RANG UNDANG2 AKTA PENJARA (PINDAAN) 2007 DIBENTANGKAN DI PERSIDANGAN PARLIMEN - MESYUARAT KE-3, PENGGAL KE 4, PARLIMEN KE-11.

## DEWAN RAKYAT

- \* Bacaan kali pertama pada 17.12.2007
- \* Bacaan kali ke2 dan ke 3 serta dibahaskan dan diluluskan pada 19.12.2007.

## DEWAN NEGARA

Dibahas dan diluluskan pada



## PELAKSANAAN SISTEM PAROL DI MALAYSIA

- Berpandukan **Model Sistem Parol di Australia**

- Majlis Pelancaran Pelepasan Secara

Perintah Parol telah dirasmikan oleh YB Dato' Syed Hamid Bin Syed Jaafar Albar, Menteri Dalam Negeri.

**TARIKH** : 26 Julai 2008


**TEMPAT** : Penjara Kluang, Johor



# RUJUKAN BERKAITAN PAROL


## Buku Rujukan

- Akta Penjara 1995
- Peraturan- Peraturan (Parol) 2010
- Perintah Tetap Komisioner Jeneral Penjara
- Pekeliling Parol
- Arahan Kerja





# PROSES PAROL



## 01 PAROL

Pelepasan Bersyarat yang diberikan oleh Lembaga Parol kepada Orang Diparol (ODP) dengan Pengawasan Pegawai Parol

## 02 KELAYAKAN

Kesalahan-kesalahan Kecil kecuali Kes Bunuh, Senjatapi, Seksual, Culik, Dadah yang membawa kepada hukuman mati

## 04

### KAEDAH PENYELIAAN

Intervensi  
Lawatan Kediaman  
Lawatan Tempat Kerja  
Lawatan Mengejut Waktu Malam  
Ujian Air Kencing

\*Meliputi 3 tahap: Maksimum, Medium, Minimum

## 03 TEMPOH PEMANTAUAN

Bergantung kepada kelulusan Lembaga Parol





# LEMBAGA PAROL

- Perlantikan oleh Yang Dipertuan Agong (YDPA)
- Keanggotaan :

Seorang Pengerusi

(Anggota Kehakiman dan Perundangan)

Seorang Pegawai Kanan Penjara

Seorang Pegawai Kanan Polis

Seorang Pegawai Kanan Kebajikan

Tiga Orang Awam

- Tempoh 3 tahun dan boleh dilantik semula

*Seksyen 46B, Akta Penjara 1995*



# SYARAT LAYAK PAROL



Dihukum minimum satu tahun pemenjaraan



Telah menjalani sekurang-kurangnya  
seperdua daripada tempoh hukuman



Telah mengikuti program pemulihan yang  
diluluskan oleh Komisioner Jeneral Penjara



Tiada apa-apa pertuduhan atau rayuan di  
mahkamah



Tiada rayuan kepada Lembaga  
Pengampunan



**Seksyen 46E, Akta  
Penjara 1995**



# SEMUA KESALAHAN BOLEH DIPAROL **KECUALI**



Banduan Yang Dijatuhkan Hukuman Mati



Banduan Ditahan Di Bawah Perkenan YDPA Atau Sultan Atau Yang Di Pertua Negeri



Banduan Hukuman Seumur Hayat



Banduan Kesalahan Seksual Berat



Banduan Reman



Semua Jenis Tahanan

*\* Rujuk Jadual Keempat, Akta Penjara 1995 (pindaan 2008)*



## CONTOH 1:

Hukuman yang dijatuhkan oleh mahkamah:

Pada 15.1.2018, Banduan C dijatuhkan hukuman 1 tahun penjara mulai dari tarikh tangkap 10.12.2017.

## Perkiraan Hukuman dan Remitan:

|                |                                        |           |
|----------------|----------------------------------------|-----------|
|                | 10.12.2017                             | 9.12.2018 |
|                | 1 thn.                                 |           |
| 10 . 12 . 2017 | Tarikh mula jalani hukuman pemenjaraan |           |
| + 1            | Hukuman                                |           |
| 10 . 12 . 2018 |                                        |           |
| - 1            | Tarikh Pembebasan Sehabis Lewat (LPD)  |           |
| 9 . 12 . 2018  |                                        |           |
| - 4            | Remitan                                |           |
| 9 . 8 . 2018   |                                        |           |
| + 1            | Tarikh Pembebasan Sehabis Awal (EPD)   |           |
| 10 . 8 . 2018  |                                        |           |

# KAEDAH PERKIRAAN KELAYAKAN PAROL

## Perkiraan Tarikh Layak Parol


|                 |                                                           |           |
|-----------------|-----------------------------------------------------------|-----------|
| 10.12.2017      | 10.6.2018                                                 | 9.12.2018 |
| 10.8.2018 (EPD) |                                                           |           |
| 6 bln.          |                                                           |           |
| 1 thn.          |                                                           |           |
| 10 . 12 . 2017  | Tarikh mula jalani hukuman pemenjaraan                    |           |
| + 6             | Seperdua daripada tempoh pemenjaraan                      |           |
| 10 . 6 . 2018   | Tarikh banduan layak dipertimbangkan untuk mendapat parol |           |

Tarikh banduan layak dipertimbangkan untuk mendapat parol adalah pada **10.6.2018**, setelah menjalani seperdua daripada tempoh pemenjaraannya (seperdua daripada 1 tahun adalah 6 bulan).Tempoh parol adalah 2 bulan daripada tarikh 10.06.2018 sehingga 10.08.2018(EPD).



# TEMPOH PAROL

Contoh 1 : 1 tahun hukuman





## CONTOH 2.

Hukuman yang dijatuhkan oleh mahkamah:

Pada 22.1.2008, Banduan K dijatuhkan hukuman 3 tahun penjara.

### Perkiraan Hukuman dan Remitan:

|               |                                        |           |
|---------------|----------------------------------------|-----------|
| 22.1.2008     | 3 thn                                  | 21.1.2011 |
| 22 . 1 . 2008 | Tarikh mula jalani hukuman pemenjaraan |           |
| + 3           | Hukuman                                |           |
| 22 . 1 . 2011 |                                        |           |
| - 1           |                                        |           |
| 21 . 1 . 2011 | Tarikh Pembebasan Sehabis Lewat (LPD)  |           |
| - 1           | Remitan                                |           |
| 21 . 1 . 2010 |                                        |           |
| + 1           |                                        |           |
| 22 . 1 . 2010 | Tarikh Pembebasan Sehabis Awal (EPD)   |           |

# KAEDAH PERKIRAAN KELAYAKAN PAROL

### Perkiraan Tarikh Layak Parol


|               |                                                           |           |
|---------------|-----------------------------------------------------------|-----------|
| 22.1.2008     | 22.7.2009                                                 | 21.1.2011 |
| 1 thn. 6 bln. | 22.1.2010 (EPD)                                           |           |
| 22 . 1 . 2008 | Tarikh mula jalani hukuman pemenjaraan                    |           |
| + 6 1         | Seperdua daripada tempoh pemenjaraan                      |           |
| 22 . 7 . 2009 | Tarikh banduan layak dipertimbangkan untuk mendapat parol |           |

Tarikh banduan layak dipertimbangkan untuk mendapat parol adalah pada **22.7.2009**, setelah menjalani seperdua daripada tempoh pemenjaraannya (seperdua daripada 3 tahun adalah 1 tahun 6 bulan). Tempoh parol 6 bulan daripada tarikh 22.07.2008 sehingga 22.01.2010 (EPD).



## TEMPOH PAROL

Contoh 2 : 10 tahun hukuman



# AKTIVITI ODP



PROGRAM INTERVENSI / PEMULIHAN

# AKTIVITI ODP



PROGRAM KEAGAMAAN



PROGRAM BERSAMA NGO

# AKTIVITI ODP



PROGRAM BERSAMA KOMUNITI

# **PENGENALAN** **PERINTAH** **KEHADIRAN WAJIB** **(PKW)**





# LATAR BELAKANG

## Pelaksanaan Perintah Kehadiran Wajib

01

- 1954 - AKTA KEHADIRAN WAJIB PESALAH-PESALAH 1954

02

- 1991 - SEMAKAN

03


- 2010 - PELAKSANAAN SEMULA

04

- 2012 - PERINTAH WILAYAH PERSEKUTUAN LABUAN, NEGERI SABAH DAN NEGERI SARAWAK (PEMERLUASAN DAN UBAH SUAIAN AKTA KEHADIRAN WAJIB PESALAH-PESALAH 1954) 2012

05

- 2021 - ORDINAN DARURAT (KEHADIRAN WAJIB PESALAH-PESALAH) (PINDAAN) 2021
- - BERKUATKUASA 16 APRIL 2021 **(DIUNGKAI PADA 8 DISEMBER 2021)**





# DEFINISI KERJA WAJIB

“Apa-apa kerja buruh, tugas, kerja atau kursus pengajaran yang diperintah oleh Pegawai Pusat Kehadiran Wajib untuk diaku janji oleh Pesalah tersebut”

*Seksyen 2 AKW 1954*

Borang PKW 4

## BORANG AKU JANJI PERINTAH KEHADIRAN WAJIB (PKW)

Saya .....  
(Nama Pesalah)

No. Kad Pengenalan: .....

diletakkan di bawah Perintah Kehadiran Wajib oleh .....  
(Nama Mahkamah yang mengeluarkan perintah)


selama ..... bermula dari ..... hingga .....  
(Tempoh Perintah) (Tarikh mula) (Tarikh akhir)

di ..... akan akur dengan  
(Nama Pusat Kehadiran Wajib)

syarat-syarat berikut:

### SYARAT-SYARAT PKW

- Mematuhi tempoh PKW seperti yang telah ditetapkan oleh perintah mahkamah.
- Mematuhi setiap peraturan yang ditetapkan oleh Pusat Kehadiran Wajib.
- Menghadirkan diri di PKW pada tarikh dan waktu yang telah ditetapkan oleh Penyelia.
- Sekiranya gagal menjalani kerja wajib kerana masalah kesihatan, saya mestilah menghubungi Penyelia terlebih dahulu dan mengemukakan surat perubatan atau sijiil sakit daripada Pegawai Perubatan Kerajaan.
- Mengikuti arahan dan melaksanakan kerja wajib yang diberikan kepada saya oleh Penyelia.
- Menghindarkan diri daripada melakukan apa sahaja aktiviti yang tidak bermoral, jenayah dan perkara yang bertentangan dengan undang-undang semasa serta peraturan PKW semasa menjalankan kerja wajib, saya akan dipantau dan diseliasa oleh Pegawai Pusat Kehadiran Wajib, Penyelia dan Pegawai Penjara yang dilantik.





# Peluasan Pelaksanaan PKW

© Akta kehadiran Wajib  
Pesalah 1954 Perintah  
Kehadiran Wajib  
hendaklah meliputi apa jua  
hukuman tidak lebih 3  
bulan dan tidak lebih 4 jam  
sehari.

© Seksyen 5, AKW 1954

## PERINTAH KEHADIRAN WAJIB

Dibawah subseksyen 5(1)

[ Akta Kehadiran Wajib Pesalah – Pesalah 1954 ]

DALAM MAHKAMAH : MAHKAMAH SESYEN SEREMBAN 2

(Nama Mahkamah)

DALAM NEGERI : NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS

NO KES: MS / SBN2 / 2010 / 2345

PENDAKWA RAYA LAWAN : LIM KOM PANG

BAHAWASANYA kamu LIM KOM PANG

(Nama Pesalah)

No. Kad Pengenalan 731120-05-6789 telah disabitkan dihadapan

saya bagi kesalahan di bawah seksyen

SEK. 41 ( 2 ) APJ

(Seksyen Kesalahan)

dan bagi menggantikan hukuman penjara /hukuman penjara bagi kegagalan membayar denda yang sepatutnya dan diatas kesanggupan kamu mematuhi kehendak-kehendak perintah, maka saya memerintahkan kamu supaya hadir setiap hari di Pusat Kehadiran Wajib : **PUSAT KEHADIRAN WAJIB DAERAH SEREMBAN**

(Nama Pusat Kehadiran Wajib)

bagi tempoh **3 BULAN** dan **3 jam** sehari dengan akujanji kamu melakukan kerja- kerja wajib.

Dan selanjutnya untuk menjamin pematuhan yang sewajarnya dengan perintah ini, kamu dikehendaki memasuki bon yang berjumlah **RM 2000.00** dengan **1 ( SEORANG )** atau tanpa penjamin.


Ditandatangani di bawah ini dan meteri Mahkamah pada 12 OGOS 2010

(Tarikh)

Majistret / Hakim

**Y.A DATO' AMDAN BIN JOHAN**

**HAKIM MAHKAMAH SESYEN SEREMBAN 2**





# KAEDAH PERKIRAAN REMITAN PKW


NAMA PESALAH: ZAHID BIN ABDUL WAHAB  
KAD PENGENALAN: 760430-14-5165  
NO KES: 83-1016-2009  
TARIKH JATUH HUKUM: 11.01.2021  
TEMPOH HUKUMAN: 2 BULAN

|   |             |
|---|-------------|
|   | 11.01.2021  |
| + | 02          |
|   | 11. 03.2021 |
| - | 01          |
|   | 10. 03.2021 |
| - | 10          |
|   | 00.03.2021  |
| + | 01          |
|   | 01 .03.2021 |

Hukuman PKW

Tarikh lewat tamat PKW  
Remitan 1/6


Tarikh awal tamat PKW






# RUJUKAN BERKAITAN PKW

1. Akta Kehadiran Wajib 1954
2. Ordinan Darurat (Kehadiran Wajib Pesalah-Pesalah) (Pindaan) 2021
3. Peratoran2 Mewajibkan Orang2 Salah Hadzir Di-Tempat Kerja Atau Tempat Belajar Tahun 1955
4. Perintah Tetap Komisioner Jeneral Penjara (PTKJP)






# CARTA ALIR





# PEGAWAI / PENYELIA PKW


- ❑ Pegawai PKW dilantik oleh Komisioner Jeneral Penjara selaras dengan seksyen 4 Akta Kehadiran Wajib Pesalah-Pesalah Tahun 1954
- ❑ Pegawai dan Penyelia PKW di daerah menjalankan tugas membantu segala urusan termasuk menyelia pesalah - pesalah di daerah berkaitan





# CONTOH KERJA WAJIB

- Bekerja bersama kakitangan Kerajaan Tempatan untuk **membersihkan kawasan persekitaraan bandaran** dan sebagainya.
- Bekerja di Hospital / Pusat Kesihatan awam dalam **membantu orang sakit** yang berusia dan lain-lain.
- Bekerja di **tempat rekreasi, tandas serta kemudahan awam, padang permainan kanak-kanak serta premis-premis kerajaan.**
- Bekerja di **Rumah-Rumah ibadat, Rumah Kebajikan dan Rumah Anak Yatim dan Jagaan Khas.**
- Menghadiri **kelas-kelas syarahan, kelas motivasi dan ceramah-ceramah yang berkaitan kerjaya.**
- Menghadiri **kursus-kursus jangka pendek di pusat-pusat latihan** seperti di CIDB, TEKUN Nasional serta kursus jangka pendek yang ditaja dan pusat-pusat latihan kemahiran kerajaan.






# LOKASI KERJA WAJIB

PEG. PKW BERURUSAN DENGAN PENGURUS SETIAP LOKASI

## RUMAH KEBAJIKAN / ORANG TUA / ANAK YATIM



BERITA | MALAYSIA

### Amuk kereta kena langgar: Kiki didenda RM5,000, kerja komuniti 240 jam

Astro Awani | 14 Julai 22, 2014 13:12 MYT



Video viral Kiki yang dimuat naik di laman sosial.

**KUANTAN:** Siti Fairrah Asyikin Kamaruddin, 30 yang juga dikenali sebagai Kiki dijatuhkan hukuman denda RM5,000 dan melakukan kerja komuniti selama 240 jam di Mahkamah Sesyen di sini sebentar tadi.

Hakim Datuk Zainal Abidin Kamarudin menjatuhkan hukuman tersebut selepas wanita itu mengaku bersalah atas pertuduhan yang dikenakan ke atasnya kerana melakukan khianat terhadap kereta milik Sim Siak Hong, 68 di kawasan parkir kereta Pusat Transformasi Bandar Kuantan di sini pada 14 Julai lalu.

Kiki ditahan pada jam 4 petang Khamis lepas di Ibu Pejabat Polis Daerah Kuantan dan kemudian dibebaskan dengan jaminan lewat malam hari yang sama.

Kiki pada minggu lalu dilihat membuli seorang warga emas selepas warga emas itu dikatakan melanggar keretanya.

Video Kiki mengetuk-ngetuk kereta lelaki berkenaan dengan pengunci stereng kereta telah dirakam orang ramai dan videonya dimuat naik serta menjadi viral di laman sosial Facebook, Twitter dan YouTube.

Nama Pesalah : SITI FAIRRAH ASYIKIN BT KAMARUDDIN  
Kesalahan : SEK. 427 KK  
Hukuman : ( 3 ) BULAN, ( 4 ) JAM SEHARI  
Tarikh Menjalani Perintah: 22.07.2014 – 07.10.2014





# LOKASI KERJA WAJIB

PEG. PKW BERURUSAN DENGAN PENGURUS SETIAP LOKASI  
**KAWASAN AWAM**

Nama Pesalah : WEE MENG CHEE  
No. KP : 830506-01-6329  
Kesalahan : SEK. 506 KK  
Hukuman : ( 3 ) BULAN, ( 4 ) JAM SEHARI  
Bon Jaminan : RM 5,000 DENGAN SEORANG  
PENJAMIN  
Tarikh Menjalani Perintah: 02.12.2014 -15.02.2015



**Namewee mengaku bersalah aibkan kakitangan TNB**

WARTAWAN SINAR HARIAN  
2 DISEMBER 2014



Namewee (dua, kanan) hadir ke mahkamah, semalam

Terima kasih atas  
masukan Anda!

MUAR - Mahkamah Sesyen Muar, semalam menjatuhkan hukuman Perintah Kehadiran Wajib selama tiga bulan dan bon jaminan sebanyak RM5,000 ke atas



# LOKASI KERJA WAJIB

PEG. PKW BERURUSAN DENGAN PENGURUS SETIAP LOKASI

## TANAH PERKUBURAN



# **PENGENALAN** **PROGRAM** **REINTEGRASI** **PENGHUNI** **(PRP)**



# PENGENALAN

Program Reintegrasi Penghuni ini membawa maksud aktiviti pemulihan pesalah di laksanakan di luar tembok penjara bagi pesalah yang layak dan memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan.

Program ini meliputi aktiviti pemulihan dan proses intergrasi pesalah dalam komuniti seperti melakukan khidmat masyarakat, khidmat bakti berbayar, bekerja dalam perusahaan usahasama, di kilang-kilang, sektor perladangan dan pertanian, sektor penternakan, kursus-kursus atau aktiviti-aktiviti lain.



**Perdana Menteri Malaysia Dato Sri Najib Tun Razak**  
**"Kenapa tidak dibina sahaja pusat pemulihan banduan di dalam kem tentera?"**.  
*Utusan Malaysia 28/03/2011*

**Program ini mendapat kerjasama dua pihak iaitu  
Jabatan Penjara Malaysia dan Angkatan Tentera Malaysia.  
Merupakan Program Khidmat Bakti dan Masyarakat bagi tujuan pemulihan penghuni didalam penjara**



# PEMULIHAN DALAM KOMUNITI

## Program Reintegrasi Penghuni

### SENARAI PUSAT REINTEGRASI PENGHUNI (PRP)

PRP KEM SYED  
SIRAJUDDIN, GEMAS

PRP KEM SULTAN  
ABDUL HALIM  
MU'ADZAM SHAH, JITRA

PRP KEM MAHKOTA,  
KLUANG

PRP KEM DESA  
PAHLAWAN, KOTA  
BHARU

PLKN PRINCESS  
HALIZA, SEPANG

PLKN SRI KANDI,  
KUALA MUDA

PLKN BATU JONG,  
KUALA KRAI

PLKN SERI PERKASA,  
MANTIN


PLKN KK DI BAWAH  
BAYU, TUARAN

PLKN KLUANG,  
JOHOR





# CARTA KONSEP PROGRAM REINTEGRASI PENGHUNI





## AKTA PENJARA 1995

Sek. 47 (1) “ Seorang ODS yang dijatuhkan atau yang akan dijatuhkan sesuatu hukuman pemenjaraan semasa tempoh hukumannya itu adalah : -

(b) Untuk menjalankan apa-apa kerja sebagaimana yang diarahkan oleh Pegawai Yang Menjaga dan setakat yang praktik, kerja itu hendaklah dijalankan : -

( iii ) Di luar batasan penjara sebagaimana yang diluluskan oleh Komisioner Jeneral ”

## PERLEMBAGAAN PERSEKUTUAN Bukanlah Kerja Paksa

Perkara 6(3)

“ Kerja berkaitan dengan menjalankan hukuman penjara yang dijatuhkan oleh Mahkamah tidak dikira sebagai kerja paksa dalam erti Perkara ini ”.



# SYARAT KELAYAKAN

- Semua pesalah yang dihukum **penjara 6 bulan dan ke atas, dan mempunyai baki hukuman tidak lebih 36 bulan** adalah layak untuk menyertai Program Pemulihan Pemasyarakatan kecuali pesalah dari kategori kesalahan berat seperti jenayah bunuh dan seksual.
- Pesalah juga mestilah **telah menjalani Program Pelan Pembangunan Insan (PPI) sekurang-kurangnya dalam Fasa 1 dengan jayanya** di dalam tembok penjara sebelum dipertimbangkan untuk menyertai program ini
- 
- Penyertaan mereka adalah **secara sukarela tanpa sebarang paksaan** dan pesalah perlu diperakukan layak oleh Pegawai Perubatan untuk bekerja dan menjalani aktiviti yang dianjurkan.

## COMMUNITY REHABILITATION PROGRAMS ( ACTIVITY )

### SELF-ENHANCEMENT



### UPSKILLING



### MARKETABLE EMPLOYEE

Interview by outstanding  
companies

## AKTIVITI PENGHUNI



**SEDIA UNTUK BEKERJA**



**SEDANG BEKERJA**



**SEDANG BEKERJA**



**SELESAI KERJA**

# AKTIVITI DI PRP





**PENYELENGKARAN KAWASAN**



**MEMOTONG RUMPUT**



**LANSKAP**



**PENYELENGKARAN KAWASAN**

# **PENGENALAN** **PELEPASAN** **BANDUAN SECARA** **LESEN**





## **AKTA PENJARA 1995**


Sek. 43 (1) “Tertakluk kepada mana-mana peraturan yang dibuat oleh Menteri, Komisioner Jeneral boleh, pada bila-bila masa jika difikirkan patut, melepaskan secara lesen atas apa-apa syarat sebagaimana yang dinyatakan dalam lesen, seseorang banduan yang sedang menjalani apa-apa tempoh pemenjaraan.”

## **PERATURAN-PERATURAN PENJARA 2000**

Peraturan 111(1). Pelepasan banduan secara lessen (Pindaan 2020) (P.U.(A)121)

- (1) Komisioner Jeneral boleh, menurut budi bicaranya, melepaskan seseorang banduan yang sedang menjalani apa-apa tempoh pemenjaraan secara lesen bagi apa-apa tempoh dan atas apa-apa syarat yang difikirkannya patut dikenakan.
- (2) Syarat-syarat ketakhadiran dan bentuk lesen hendaklah pada keseluruhannya sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual Kedua.

- Disediakan oleh Pegawai Pemulihan Institusi
- Persetujuan keluarga/NGO/majikan Disediakan oleh Pegawai Penempatan Semula




# Kriteria Banduan



## Tidak Layak

- Banduan Hukuman Mati
- Banduan Seumur Hayat
- Tahanan Limpah Kurnia
- Banduan Bukan Sabitan
- Banduan Warganegara Asing
- Banduan Yang Mempunyai Perintah Tahanan
- Banduan Yang Mempunyai Kes Lain Yang Belum Selesai
- Banduan Yang Belum Selesai Rayuan Di Mahkamah
- Banduan Yang Belum Menjalani Hukuman Sebat
- Banduan Yang Difikirkan Tidak Sesuai Oleh Komisioner Jeneral



## Layak

- Banduan yang selain daripada kategori tidak layak dan memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan
- Banduan yang difikirkan layak untuk mengikuti program pemulihan dalam komuniti
- Banduan yang pada hemah Pegawai Perubatan atau Pegawai Psikiatrik hukuman pemenjarannya boleh memudaratkan diri dan mengancam nyawa banduan tersebut



# Syarat-Syarat Kelayakan Banduan



Hukuman di bawah setahun (maksimum hukuman 11 bulan 29 hari)



Telah menjalani 1/3 dari tempoh pemenjaraan atau mempunyai baki hukuman sekurang-kurangnya 2 bulan




Telah selesai menjalani Fasa 1 Program Pembangunan Insan di penjara dengan jayanya.



Mendapat pengesahan dan persetujuan keluarga / badan kebajikan/ NGO Berdaftar dan majikan untuk menyediakan tempat tinggal dan pekerjaan semasa banduan di luar penjara.

# PROSES KERJA



## Jawatankuasa PBSL Ibu Pejabat Penjara Malaysia

- |                                                       |             |
|-------------------------------------------------------|-------------|
| 1. Komisioner Jeneral                                 | - Pengerusi |
| 2. Timbalan Komisioner Jeneral                        | - Ahli      |
| 3. (Keselamatan dan Koreksional)                      |             |
| 4. Timbalan Komisioner Jeneral                        | - Ahli      |
| 5. (Pemasyarakatan)                                   |             |
| 6. Pengarah Dasar Kepingjaraan                        | - Ahli      |
| 7. Pengarah Keselamatan dan Inteligen                 | - Ahli      |
| 8. Pengarah Pengurusan Banduan                        | - Ahli      |
| 9. Pengarah Parol & Perkhidmatan Komuniti             | - Ahli      |
| 10. Pengarah Agama dan Kaunseling                     | - Ahli      |
| 11. Penasihat Undang- Undang Jabatan                  | - Ahli      |
| 12. Wakil Jabatan Kebajikan Masyarakat                | - Ahli      |
| 13. Wakil Jabatan Tenaga Kerja                        | - Ahli      |
| 14. Wakil PDR KDN                                     | - Ahli      |
| 15. Wakil SUHAKAM                                     | - Ahli      |
| 16. Urusetia mesyuarat : Bahagian Pengurusan Banduan. |             |

# TATACARA SEMASA MENJALANI PELEPASAN



## PENERIMAAN DI PPD

- Dalam tempoh masa seberapa segera sebelum menuju ke alamat yang dinyatakan dalam perintah
- Hadir pada bila-bila masa seperti yang diarahkan

(Para 8.1, PTKJP F02/041)

## KAEDAH PEMANTAUAN

- Sekurang-kurangnya 1 minggu sekali. (Para 8.3, PTKJP F02/041)
- Panggilan telefon dan Lawatan ke
  - Kediaman
  - Majikan
  - Mengejut
- Tinggal dialamat lesen dan tidak benar keluar jam 7 mlm hingga 7 pagi (Para 8.1, PTKJP F02/041)
- Perlu mengikuti program intervensi

## PERMOHONAN KELUAR DAERAH

(Para 8.2, PTKJP F02/041)

- Tidak dibenarkan keluar dari daerah kecuali dengan
- Kelulusan Pengarah Penjara Negeri bagi daerah dalam negeri. **Maksima 5 hari.**
- Kelulusan Pengarah BPPK bagi keluar negeri. **Maksima 7 hari.**

# TINDAKAN-TINDAKAN YANG PERLU

## BANDUAN PBSL SAKIT

- Sakit tidak serius
  - Sijil cuti sakit.
  - Jadual semula temujanji.
- Sakit serius
  - PPD buat pengesahan
  - Maklum kpd PYM, PPN,



## KEMATIAN BANDUAN PBSL

- PPD buat pengesahan
- Maklum kpd PYM, PPN, IPPM.
- Laporan Polis
- Bedah Siasat
- SITREP
- PTKJP E 331
- PPN lantik Lembaga Siasatan.
- Serahan dokumen kpd PYM.




# PROGRAM INTERVENSI

- **TINDAKAN**

1. PPD boleh mengatur apa-apa program di pejabat atau mana-mana lokasi yang ditentukan.

(Para 9.1, PTKJP F02/041)

2. Tanggungjawab BB untuk mengikuti apa-apa program yang telah diaturkan.



# PENGGANTUNGAN & PEMBATALAN PBSL

## TINDAKAN

1. PPD membuat pengesahan
2. Laporan awal
3. Penempatan di penjara melalui Arahan Penempatan Sementara oleh PPN (Borang PBSL-11)
4. Laporan SITREP
5. PPN lantik Lembaga Siasatan.
6. Serahan dokumen kpd PYM.
7. Tindakan Tatatertib oleh PYM Institusi.

OBB memohon secara bertulis untuk membatalkan lesen pada bila-bila masa melalui PPD.

Para 10.5, PTKJP F02/041



## KES MENGHILANGKAN DIRI

- OBB tidak dapat dihubungi dalam tempoh 48 jam.



# SELEPAS TAMAT PBSL

01

PPD

## TINDAKAN

- Sehari sebelum BB tamat tempoh, BB dikehendaki hadir ke PPD.
- PPD akan memaklumkan tentang keperluan BB untuk hadir ke Institusi Penjara bagi tujuan dokumentasi pembebasan dan sebagainya lagi.



02

LAIN-LAIN

- Kemaskini fail Pengurusan Banduan Berlesen.
- Jika PPD dapat mengesan BB yang menghilangkan diri maka hendaklah mengambil tindakan sewajarnya serta melaporkan kepada pihak yang berkenaan.






# **PENGENALAN** **RUMAH** **PERANTARAAN**



# PENGENALAN

- Idea penubuhan Halfway House (Rumah Perantaraan) telah dicetuskan dalam Makmal Pengurangan Jenayah (*Crime Lab*) yang telah diadakan pada 5 Oktober 2009 - 16 November 2009 di bawah inisiatif Program Penempatan Semula Banduan Selepas Dibebaskan dari Penjara. (*rujuk buku Program Transformasi Kerajaan- Pelan Hala Tuju-m/s 125 -Jabatan Perdana Menteri*).




**RUMAH PERANTARAAN YANG DISEDIAKAN UNTUK  
MENEMPATKAN BEKAS BANDUAN DAN ORANG DIPAROL**

- ❑ Bermula pada Mei 2010 dengan dua orang penghuni di RP Kuala Lumpur
- ❑ Dilancarkan pada 29 September 2011 oleh Datuk Wira Abu Seman Bin Yusop, Timbalan Menteri Dalam Negeri
- ❑ Sebanyak 15 RP telah beroperasi
  - ❑ 11 RP bagi bekas banduan
  - ❑ 4 RP bagi Orang DiParol



# OBJEKTIF PENUBUHAN

- ☐ Menempatkan bekas banduan dan ODP yang tiada tempat perlindungan di Rumah Perantaraan
- ☐ Memberi peluang kepada bekas banduan dan ODP dalam proses integrasi semula ke dalam masyarakat
- ☐ Menyediakan peluang yang lebih luas kepada bekas banduan mencari pekerjaan yang sesuai di luar penjara





**Semalam,** Wajah Kehidupan menceritakan mengenai sistem parol yang diperkenalkan Jabatan Penjara untuk memulihkan banduan sebelum dibebaskan sepenuhnya.

Hari ini ikuti pula pengalaman bekas banduan tinggal di Rumah Perantaraan Jabatan Penjara, menjalani perintah buang daerah (PCO) dan perintah kehadiran wajib (PKW).

#### info

##### RUMAH PERANTARAAN

- Mempunyai 14 cawangan di setiap negeri seluruh negara.
- Premis yang menjadi kediaman, tempat ibadah dan kelas pembelajaran sementara yang disediakan Jabatan Penjara dengan kerjasama pertubuhan bukan kerajaan (NGO) bagi menempatkan bekas banduan yang baru dibebaskan dan tiada tempat tinggal kerana tiada keluarga atau keluarga enggan menerima mereka kembali.
- Dilengkapi kemudahan asas termasuk makanan dan minuman. Bekas banduan akan dibenarkan tinggal selama tidak lebih dari tiga bulan.

##### OBJEKTIF

- Membantu bekas banduan mendapat pekerjaan dan kaunseling.
- Membantu penghuni menangani masalah stigma sosial apabila keluarga dan masyarakat tidak mahu menerima mereka kembali.
- Mengurangkan kes banduan bebas melakukan jenayah berulang.

# 'Saya mana ada rumah'

**Kediaman Perantaraan disediakan Jabatan Penjara jadi persinggahan bekas banduan sebelum bina hidup baru**



#### Wajah KEHIDUPAN

Oleh Rizanizam Abdul Hamid  
rizanizamgmedapri-ma.com.my

**S**eremban: "Nasib baik ada Rumah Perantaraan Jabatan Penjara buat bekas banduan seperti saya, kalau tidak tak tahu lah di mana hendak tinggal setelah hampir 30 tahun menjalani hukuman," kata bekas banduan yang hanya mahu dikenali sebagai Harun.

Harun, 60, yang dibebaskan pada 4 Oktober lalu setelah menjalani hukuman selama 29 tahun empat bulan atas kesalahan berkaitan dadah berkata, dia tidak tahu ke mana langkah harus di tuju sebaik saja diheretlah akan dibebaskan.

Dia yang masih bujang berkata, ini kerana hubungannya dengan kebanyakan ahli keluarga dan saudara-mara tidak seakrab sebelumnya kerana terlalu lama menjadi penghuni tiri besi sejak berusia 29 tahun.

"Ketika dibebaskan, duit dalam akaun bank saya hanya ada beberapa ratus dan ia tentu sekali tidak mencukupi untuk menampung sewa rumah sementara dapat mencari pekerjaan sesuai."


"Mujur lah, pegawai penjara membentahu terdapat Rumah Perantaraan yang disediakan untuk bekas banduan untuk tempoh tiga bulan sementara boleh berdirikan sendiri," katanya.

Mengintip kisah silamnya, Harun ditangkap kerana memiliki dadah pada 1984 sebelum disabitkan hukuman mati mandatori pada 1989.

Selepas menanti hukuman itu selama 17 tahun, peluang 'hidup semula' menyebelainya apabila mendapat pengampunan Yang di-Pertuan Agong Ke-11 Almarhum Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah pada 2001.

Hukuman gantung diganti penjara 20 tahun terhadap Harun yang pernah menjalani hukuman di Penjara Pudu, Penjara Sungai Buloh dan Penjara Ipoh, Perak sebelum kali terakhir dia dipindahkan ke Penjara Seremban.

Ker ka ditanya bagaimana



kendudupannya kini selepas hampir 30 tahun dipenjarakan, Harun berkata, kesesatan pembiayaan membuatkannya sukar menerima cara hidupnya di luar penjara.

"Beberapa hari selepas dibebaskan, seorang kawan membawa saya berbaris-siar

di ibu negara dan sebuah pulang, saya demam seminggu kerana tidak tahan terhidu bau asap kenderaan selain pening melihat kesesakan lalu lintas kenderaan di atas jalan raya.

"Saya sudah terlalu sebar dengan cara hidup sederhana

"Saya demam seminggu kerana tidak tahan terhidu bau asap kenderaan" Harun

dipenjarakan, nasib baik ada Rumah Perantaraan Negeri Sembilan yang menjadi tempat perlindungan sementara saya membiasakan diri dengan cara hidup masyarakat bandar," katanya.

**ESOK: Doktor penjara**



# **PENGENALAN** **PROGRAM** **RESETTLEMENT**




# PROGAM *RESETTLEMENT*

- ❑ Merupakan sebuah program **penempatan semula bekas-bekas banduan** dalam membantu memberi peluang pekerjaan
- ❑ Pegawai Penempatan Semula (PPS) berperanan untuk menjalinkan kerjasama dengan pelbagai pihak termasuk NGO dan syarikat






# REFORMASI PENJARA



# Konsep Pemulihan Masyarakat



# Kolaborasi Jabatan dengan Gulam Recovery Care Centre (GRCC)

Program penempatan dan  
pekerjaan kepada bekas banduan  
melalui program I-Kembali

**PENJARA**

- Menyediakan  
tenaga kerja

**“I-KEMBALI”  
PERGAK**

PERGAK sebagai  
'Care- Taker'

1. Temuduga
2. Program khas 'Bangkit'
3. Pemadanan Kerja  
@Job Matching
4. Akujanji (peserta) &  
Perjanjian (majikan)
5. Program CSR bersama  
AADK Sepang & IPD  
Sepang.
6. Menjaga kebajikan  
kedua-dua pihak selagi  
dibawah pengurusan  
syarikat

**MAJIKAN**

- Menyediakan  
peluang  
pekerjaan



# SUCCESS STORY

Gambar menunjukkan bekas ODP yang telah dibebaskan dan jumlah simpanan yang terkumpul

PAROL DAN PERKHIDMATAN KOMUNITI,  
JABATAN PENJARA MALAYSIA



## Mohd Fadlai



Bekas ODP Bersama Ibu Dan Pegawai Parol Daerah Temerloh berjaya mengumpul sebanyak RM 11,305.30 sepanjang bekerja di FELCRA Paya Laman, Temerloh

## Jagan a/l Subramaniam



Bekas ODP Jagan a/l Subramaniam menamatkan parol pada 25.09.2020 dan berjaya mengumpul RM 12,309.00.

## Mohd Fuad bin Ismail




Bekas ODP Mohd Fuad bin Ismail menamatkan parol pada 25.05.2021 dan Berjaya mengumpul RM 11,015.15 sepanjang bekerja di Sime Darby Lanchang



# FAEDAH

## Program Pemulihan Dalam Komuniti



# KESAN ~~TIDAK~~

melaksanakan Program Pemulihan Dalam Komuniti



Tiada Peluang Reintegrasi



Pengulangan jenayah



Kos meningkat



Kesesakan Dalam Penjara



Stigma masyarakat



Penerimaan masyarakat  
terhadap banduan




Banduan tidak dapat  
menyesuaikan diri






# DASAR BAHARU – 2/3 Banduan Yang Layak Menjalani Pemulihan Dalam Komuniti

- Hasil Kajian menunjukkan PDK adalah lebih berkesan berbanding Program Pemulihan Yang Dijalankan Dalam Penjara.




Inisiatif Sedia Ada

Blue Print RMK-11 kadar residivis tidak melebihi 5%



Inisiatif Baharu



100% dari 2/3 Banduan Yang Layak Menjalani Pemulihan Dalam Komuniti

PDK semasa  
**13.3%**



# **SESI SOAL JAWAB**

■ ■ ■ ■

# **TERIMA KASIH**

■ ■ ■ ■